

**PRK Kuala Besut: Polis Tidak Akan Bertolak Ansur Dengan Penganjur Ceramah Tanpa Permit**  
**Bernama**  
**21 Julai, 2013**

KUALA BESUT, 21 Julai (Bernama) -- Polis tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak penganjur yang mengadakan ceramah tanpa permit sepanjang proses Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut.

Ketua Polis Daerah Besut Supt Kamaruddin Mohd Zakaria ketika memberikan amaran itu berkata polis mengesan satu ceramah bergerak dipercayai tanpa permit diadakan di Pasar Tani Kuala Besut baru-baru ini.

Katanya polis telah membuka kertas siasatan berhubung insiden itu mengikut Seksyen 24b (3) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

"Seperti yang sedia maklum mana-mana penyokong parti yang bertanding yang ingin mengadakan kempen baik berbentuk pergerakan atau sebaliknya perlu memohon permit terlebih dahulu namun masih ada segelintir pihak yang tidak mematuhi peraturan itu," katanya dalam sidang media di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan mana-mana penganjur yang ingin mengadakan kempen bergerak di pasar malam atau pasar borong untuk memohon permit terlebih dahulu bagi memastikannya berjalan lancar.

Dalam pada itu, Kamaruddin berkata polis mengesan trend terbaharu segelintir penyokong parti yang mengedarkan risalah di tepi jalan sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Katanya tindakan itu membahayakan keselamatan orang lain dan polis menyarankan penyokong parti mencari tempat yang bersesuaian agar tidak mengganggu hak pengguna jalan raya yang lain.

Sementara itu, katanya, polis menerima 15 permohonan permit untuk mengadakan ceramah semalam namun hanya enam sahaja yang dijalankan manakala selebihnya telah dibatalkan pihak penganjur di saat akhir.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=964996>